

22/08/1998

Amerika silap jika tuding jari ke arah Malaysia

ADAKAH negara kita berupa negara yang persekitaran politik, ekonomi dan budayanya memungkinkan wujudnya anasir pengganas? Adakah masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan kepercayaan mempunyai sejarah keganasan? Memang benar negara ini pernah terbabit dalam peperangan menentang keganasan komunis. Negara kita juga pernah mengalami rusuhan kaum pada 1969. Tetapi selain detik hitam itu, kita tidak mempunyai sejarah keganasan seperti yang menjadi budaya sesetengah negara di bahagian dunia lain. Sistem demokrasi negara yang begitu kukuh memberikan ruang untuk rakyat bergerak dan berorganisasi untuk memperjuangkan wawasan masing-masing secara terbuka.

Tetapi mengapakah Amerika menyenaraikan Malaysia selain Mesir dan Yaman sebagai negara berbahaya terhadap keselamatan warganegaranya terutama kedutaannya? Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kesal dengan sikap Amerika itu. Begitu juga Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang meminta Amerika supaya hati-hati membuat kenyataan seperti itu kerana ia boleh disalahertikan Malaysia sedang menghadapi masalah keselamatan.

Kerajaan Amerika pula tidak menjelaskan apakah latar belakang yang menyebabkan pihaknya menyenaraikan Malaysia bersama Mesir dan Yaman sebagai negara yang mungkin membahayakan keselamatan kedutaannya di luar negeri.

Anggapan Amerika itu diumumkan berikutan ledakan bom di Nairobi dan Tanzania yang memusnahkan kedutaannya mengakibatkan lebih 200 orang terbunuh dan lebih 5,000 lagi cedera.

Siapakah pihak yang bertanggungjawab melakukan keganasan itu tidak diketahui dan siasatan masih dijalankan untuk mengetahui pengganas itu. Beberapa orang ditahan untuk diperiksa oleh pihak berkuasa Tanzania dan Kenya serta pakar perisik Amerika. Menurut berita terkini, pegawai perisik Pakistan sudah melakukan tangkapan berhubung peristiwa itu. Tetapi, pihak yang menjadi sasaran penyiasatan ialah golongan Islam. Sebuah pertubuhan Islam di Nairobi sudah membuat bantahan umum masyarakat Islam di negara itu nampaknya menjadi sasaran utama pihak berkuasa dalam operasi menyiasat peristiwa ledakan bom itu.

Sejarah kita tidak pernah memperlihatkan sebarang gejala perasaan membenci Amerika. Memang kita sering bercanggah pendapat dengan Kerajaan Amerika mengenai banyak isu dan perkara tetapi secara keseluruhannya, hubungan antara kerajaan dan rakyat kita dengan kerajaan dan rakyat Amerika adalah selamanya baik dan erat. Kerajaan Malaysia selamanya menentang sebarang gejala keganasan sama ada ia dilakukan oleh golongan bukan Islam ataupun dilakukan oleh orang Islam sendiri. Budaya politik kita menolak sebarang bentuk pelampau berdasarkan masyarakat kita adalah masyarakat majmuk.

Sementara kita mengerti seperti yang dijelaskan oleh Duta Amerika di sini kelmarin apa yang dimaksudkan oleh Jabatan Negaranya tidak ditunjukkan kepada rakyat Malaysia melainkan kepada 'orang luar', adalah lebih meyakinkan kita kalau jika itu datangnya dari Jabatan Negara Amerika sendiri.

Kita mengalu-alukan kenyataan Duta Amerika yang berterima kasih atas kerjasama polis kita mengenai keselamatan Kedutaan Amerika. Juga terima kasih kita yang setinggi-tingginya atas penghargaan Panglima Agung Angkatan Laut Amerika di Pasifik, Laksamana Archie Clemens yang menghargai langkah kita menjaga keselamatan Kedutaan Amerika di sini berikutan

peristiwa sedih yang berlaku di Kenya dan Tanzania baru-baru ini.

Hakikat Amerika menumpukan penyasatannya terhadap negara Islam sekarang dapat kita mengerti kerana dari negara Islam tertentu selama ini datangnya ancaman terhadap kepentingan Amerika terutama di Asia Barat. Sehubungan peristiwa ledakan bom di Kenya dan Tanzania kelmarin, nama seorang warganegara Arab Saudi iaitu Osama Laden disebut-sebut sebagai orang yang disyaki memainkan peranan penting dalam peristiwa ledakan bom itu.

Usaha Osama pernah dikaitkan dengan peristiwa seumpama itu di Riyadh pada 1995 dan di Dhaharan pada 1996. Tetapi setakat ini ia masih berupa spekulasi saja. Osama pernah dalam satu temuramahnya dengan wartawan Peter Arnett dari CNN di tempat persembunyiannya secara terus-terang menyatakan tekadnya untuk menyerang kepentingan Amerika Syarikat di seluruh dunia.

Tetapi sebenarnya banyak kumpulan Islam yang berselerak di Asia Barat yang berkongsi tekad Osama Laden untuk memerangi kepentingan Amerika Syarikat atas pelbagai alasan. Alasan yang kerap dikemukakan mereka ialah apa yang dianggap oleh mereka sebagai 'keganasan' Amerika wajar dan setimpal dibalas dengan 'keganasan' seperti yang terjadi di Kenya dan Tanzania kelmarin. Amerika kini menyifatkan tugasnya yang utama pada masa depan ialah memerangi 'keganasan' ini. Sehubungan ini, Amerika sudah mengenal pasti Iran, Sudan dan Libya sebagai negara yang 'mengeksport' keganasan sebagai dasar luar negara masing-masing. Pelbagai sekatan dilakukan ke atas Libya dan Sudan dengan izin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atas alasan kedua-dua negara itu terbabit dalam keganasan di luar negeri. Terhadap Iran pula, diperlakukan tindakan menyekat sebarang usaha negara itu untuk mendapatkan bantuan kepakaran asing membuat alat senjata canggih. Apabila Iran menguji peluru kendalinya sendiri baru-baru ini, Amerika menjadi gempar kerana senjata itu dikatakan boleh mengancam negara jiran hingga ke Israel. Tetapi Amerika dan negara Eropah Barat adalah negara yang paling banyak menjual senjata kepada negara Arab.

Adakah peristiwa di Tanzania dan Kenya itu berkait dengan proses perundingan damai antara Israel dan Palestin serta isu sekatan ekonomi PBB, di Iraq tidaklah dapat dipastikan. Apa yang jelas ialah di seluruh Asia Barat termasuk Algeria, perasaan anti-Barat terutama Amerika Syarikat kini adalah satu faktor penting maka Amerika kini menghadapi ancaman 'keganasan' daripada gerakan bawah tanah yang bukan saja menjadikan pemerintah mereka sendiri sebagai sasaran, bahkan juga kepentingan Amerika.

Yang demikian adalah wajar sebenarnya untuk Amerika menumpukan perhatian utamanya kepada negara itu, sebaliknya bukan negara di dunia sebelah sini seperti Malaysia.

(END)